

NO SOALAN : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
ATIQULLAH
(KUBANG KERIAN)**

**TARIKH : 30.11.17
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah yang telah dikumpulkan hasil derma Hari Pahlawan setiap tahun khususnya di sekolah-sekolah di seluruh negara bagi tempoh 5 tahun terakhir dan apakah bentuk sumbangan yang diberikan dan berapakah jumlah penerima yang mendapat manfaat daripada sumbangan tersebut mengikut negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Segala urusan tadbir urus wang kutipan derma Tabung Hari Pahlawan adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) sepenuhnya. Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) selaku pendaftar persatuan veteran adalah jabatan yang bertanggungjawab untuk memantau sebarang aktiviti dan perbelanjaan persatuan veteran melalui laporan tahunan bagi setiap persatuan veteran yang berdaftar dengan JHEV.